DRAF

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# PENDIDIKAN ISLAM

## TAHUN ENAM

DOKUMEN STANDARD

# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)

# PENDIDIKAN ISLAM

## TAHUN 6

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

DRAF

## RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

# FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat

DRAFT

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد

وعلى آله وصحبه أجمعين

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam dibina bagi memenuhi keperluan pendidikan Islam secara holistik, bersepadu dan berkembang serta bersifat autentik selaras dengan keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan Islam sekolah rendah memberi penekanan kepada konsep ilmu oleh Imam al-Ghazali yang diklasifikasikan sebagai epistemologi, ontologi dan aksiologi merupakan asas syariah yang perlu dikuasai oleh setiap murid Islam. Kurikulum ini merangkumi tujuh bidang iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi yang dilaksanakan secara modular mengikut keperluan murid. Ilmu dari bidang-bidang tersebut yang merangkumi pengetahuan , kemahiran dan nilai perlu disampaikan dengan berkesan melalui pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik yang lebih menarik dan sesuai bagi memenuhi keperluan kemahiran abad 21. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), kemahiran menaaakul, kreativiti dan inovasi merupakan beberapa keperluan yang mendesak perlu ditanamkan dalam membangunkan kurikulum abad 21 agar modal insan yang dihasilkan mampu menguasai kemahiran penyelesaian masalah (*problem solving*), berkemahiran membuat keputusan dengan tepat *(decision making)* dan menguasai kemahiran kepemimpinan yang tinggi *(leadership skills)*.

Bagi memenuhi keperluan masa kini, kurikulum perlu berubah daripada *knowledge based curriculum* kepada *standard based curriculum*. Pembelajaran berasaskan standard telah diperkenalkan dalam transformasi kurikulum melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan pada tahun 2011. Melalui kurikulum ini keberkesanan pengajaran dan pembelajaran amat ditekankan untuk melihat kebolehan murid menghasilkan perubahan tingkah laku setelah berlakunya interaksi antara guru dan murid. Manakala melalui proses pentaksiran, murid akan dapat dinilai dan ditaksir secara lebih holistik, autentik dan dijalankan secara berterusan. Proses pentaksiran dijalankan secara formatif untuk melihat perkembangan murid mengikut tahap kemahiran dan kebolehan mereka. Manakala pentaksiran secara sumatif adalah untuk melihat pencapaian murid mengikut gred yang ditetapkan.

Bagi menggarap aspirasi ini Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah diperkenalkan. DSKP merupakan satu dokumen lengkap kurikulum untuk setiap tahun pembelajaran yang mengandungi penerangan kurikulum, lajur standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Ia dibangunkan bagi melengkapi segi tiga kurikulum yang mengandungi kandungan, pedagogi dan pentaksiran. DSKP diharapkan dapat memandu guru untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan dan murid yang belum mencapai standard dapat dipulihkan, perkembangan murid juga dapat diukur dan dilaporkan secara deskriptif dan pencapaian murid dapat dinilai secara sumatif untuk mendapatkan gred yang telah ditetapkan.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam diharapkan mampu membentuk murid-murid yang berilmu, beriman, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab, beramal soleh, dan bertakwa. Ia juga berupaya membentuk modal insan yang bercita-cita tinggi, berdaya tahan, bersemangat juang, gigih berusaha dan mampu mengubah diri sera berperanan sebagai khalifah untuk menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara.

DRAF

**MATLAMAT**

Matlamat Pendidikan Islam sekolah rendah adalah untuk melahirkan Muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta berjaya di dunia dan di akhirat.

**OBJEKTIF**

Murid yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam berkebolehan:

i. Membaca surah-surah terpilih daripada al-Quran dengan betul dan bertajwid serta mengamalkan pembacaannya dalam kehidupan seharian;

ii. Menghafaz surah-surah terpilih daripada al-Quran untuk mengamalkan hafazannya dalam solat dan ibadat harian;

iii. Memahami sejarah penurunan al-Quran dan maksud beberapa surah terpilih untuk dihayati dan dihayati pengajarannya secara berterusan;

iv. Membaca al-Quran menggunakan hukum tajwid dengan betul secara berterusan;

iv. Membaca dan memahami hadis-hadis terpilih dan mengamalkan tuntutan hadis serta menghayati kepentingannya dalam kehidupan seharian;

v. Meyakini dan merumuskan asas-asas akidah untuk diamalkan sebagai pegangan dan benteng dalam kehidupan harian serta asas dalam tindakan;

vi. Merumus dan mengamalkan konsep asas ibadat sebagai memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah untuk diamalkan secara istiqamah dalam kehidupan harian;

vii. Merumuskan peristiwa dan mengaplikasikan iktibar daripada sirah Rasulullah s.a.w. bagi menanam rasa kecintaan kepada baginda dan mengamalkan sunnahnya dalam kehidupan harian;

viii. Merumus, menghayati dan mengamalkan konsep adab dan nilai-nilai akhlak dalam kehidupan harian serta sebagai asas dalam tindakan; dan

ix. Membaca, membina dan menulis ayat atau teks dalam tulisan jawi dan khat serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

DRAFT

**FOKUS MATA PELAJARAN**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam terdiri daripada tujuh bidang utama, iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi. Penekanan yang sama diberi kepada semua bidang-bidang tersebut mengikut kemahiran yang telah digariskan dan perlu dicapai oleh murid di akhir proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui bidang al-Quran murid dibekalkan kemahiran membaca al-Quran dengan betul dan bertajwid, boleh menghafaz serta boleh merumuskan pengajaran serta istiqamah mengamalkannya dalam kehidupan harian. Bidang Hadis, murid dibekalkan dengan disiplin mempelajari ilmu Hadis sehingga mereka berkebolehan merumus dan mengamalkan tuntutan Hadis tertentu serta menghayati kepentingannya dalam kehidupan harian. Bidang akidah, murid dibekalkan dengan konsep asas akidah sehingga berkebolehan untuk merumuskan kefahaman tentang konsep akidah tersebut serta dapat menjadikannya sebagai asas dalam tindakan. Bidang ibadah, murid dibekalkan dengan konsep asas ibadah sehingga mereka dapat merumus dan mengamalkan konsep ibadah secara istiqamah dalam kehidupan harian. Bidang Sirah, murid dibekalkan dengan fakta sirah yang sahih sehingga mereka berkebolehan merumuskan peristiwa sirah Rasulullah SAW dan mengaplikasikan iktibarnya sebagai bukti kecintaan kepada baginda melalui amalan sunnahnya. Bidang Adab, murid dibekalkan dengan konsep asas Adab Islamiyah sehingga murid berkebolehan untuk merumus dan mengamalkan adab secara istiqamah dalam kehidupan harian. Bidang Jawi, murid dibekalkan dengan kemahiran menyebut, membaca dan menulis huruf-huruf jawi, suku kata, perkataan dan teks jawi sehingga murid berkebolehan membaca, membina dan menulis ayat atau teks dalam tulisan jawi.

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran setiap bidang dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah, murid akan dipastikan dapat mencapai beberapa standard penguasaan yang telah ditetapkankan dalam Kurikulum Standard Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Terdapat enam tahap standard penguasaan yang perlu difokuskan oleh guru untuk dicapai oleh murid, iaitu tahap ilmu, amali, amalan, iltizam, penghayatan dan pentabiatan. Tahap penguasaan yang paling tinggi perlu dicapai setelah berlakunya interaksi antara guru dan murid adalah tahap pentabiatan, iaitu, murid berkebolehan merumuskan pengetahuan, mengaplikasikan kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam bentuk perubahan tingkahlaku serta mempamirkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertaqwa dan boleh dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

DRAFT

ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam dibangunkan secara *Standard Based Curriculum.* Standard kandungan yang dibangunkan memberi penekanan kepada keperluan, kepentingan dan kebolehan yang paling tinggi dapat dicapai oleh murid dalam mengaplikasikan ilmu dan melakukan perubahan tingkahlaku melalui penghayatan ilmu dalam interaksi guru dan murid. Ilmu merujuk kepada pandangan al-Ghazali diklasifikasikan kepada tiga iaitu Epistemology, Ontology dan Aksiology. Oleh itu, kandungan ilmu dalam Pendidikan Islam di klafikasikan sebagai ilmu yang berbentuk pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diorganisasikan kepada tujuh bidang iaitu, Bidang al-Quran, Bidang Hadis, Bidang Aqidah, Bidang Ibadah, Bidang Adab, Bidang Sirah dan Bidang Jawi.

Pengetahuan, kemahiran dan nilai ini disusun menjadi **Standard Kandungan** *(Content Standard)* yang mesti dicapai oleh murid melalui proses pembelajaran yang disusun menjadi **Standard Pembelajaran** *(Learning Standard)* dan hasil kemenjadian murid akan dapat dilihat melalui hasil pembelajaran yang disusun menjadi **Standard Prestasi** *(Perfomence Standard).* **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)** yang bermula daripada mengaplikasi, menganalisis, menilai dan membuat keputusan serta **kemahiran menaakul** turut diambil kira dalam membangunkan kurikulum standard sekolah rendah. Kata kerja tindakan *(action verb)* yang sesuai digunakan dalam menentukan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard perestasi yang sesuai dengan keperluan, kepentingan dan kebolehan murid . Murid akan diberi peluang untuk menunjukkan perubahan tingkahlaku dan mencapai standard yang telah ditetapkan. Kurikulum yang berasaskan standard amat menekankan kepada perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan atau dapat tunjukkan bagi menentukan perubahan tingkahlaku dan kemenjadian murid.



Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam terdiri daripada tujuh bidang utama, iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi. Bidang-bidang ini yang mengandungi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dibangunkan dan diorganisasikan menjadi hasil pembelajaran yang dapat dilihat melalui penyataan dalam standard prestasi murid.



**STATUS**

Tahap Satu:

Pendidikan Islam adalah modul teras asas yang wajib diajarkan kepada murid Islam di institusi pendidikan yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang murid Islam.

Tahap Dua:

Pendidikan Islam adalah mata pelajaran teras yang wajib diajarkan kepada murid Islam di institusi pendidikan yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang murid Islam.

**PERUNTUKAN WAKTU**

Tahap Satu:

Peruntukan waktu Pendidikan Islam ialah sebanyak 6 waktu di sekolah kebangsaan, 4 waktu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Peruntukan masa bagi modul Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan ialah 180 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada 6 waktu dengan 30 minit setiap waktu, manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ialah sebanyak 120 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada 4 waktu dengan 30 minit setiap waktu.

Tahap Dua:

Peruntukan waktu Pendidikan Islam ialah sebanyak 6 waktu di sekolah kebangsaan, 5 waktu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Peruntukan masa bagi modul Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan ialah 180 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada 6 waktu dengan 30 minit setiap waktu, manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ialah sebanyak 150 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada 5 waktu dengan 30 minit setiap waktu.

DRAF

**STRATEGI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

Transformasi kurikulum menegaskan penggunaan pelbagai strategi pembelajaran dan pengajaran yang memberikan penekanan kepada pembelajaran secara “hands-on learning”. Dalam konteks Pendidikan Islam, pembelajaran dan pengajaran memberikan penekanan kepada kesepaduan ilmu dan amali. Strategi pembelajaran dan pengajaran yang dirancang merangkumi pendekatan, kaedah dan teknik bagi mencapai standard pembelajaran.

Pendekatan dimaksudkan sebagai arah atau hala yang diambil untuk menuju sesuatu sasaran. Pendekatan pengajaran merupakan haluan atau aspek yang digunakan berasaskan teori-teori, model-model atau generalisasi yang tertentu untuk memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran atau kemahiran. Antara pendekatan yang dicadangkan dalam Pendidikan Islam adalah seperti berikut:

1. Pendekatan Induktif dan Deduktif
2. Pendekatan Berpusatkan Guru
3. Pendekatan Berpusatkan Murid
4. Pembelajaran Konstruktivisme
5. Pembelajaran Kontekstual
6. Pembelajaran Masteri
7. Pembelajaran Akses Kendiri
8. Pembelajaran Pengaturan Kendiri
9. Kajian Masa Depan
10. Teori Kecerdasan Pelbagai

DRAF

Kaedah pengajaran merupakan beberapa langkah atau kegiatan yang mempunyai urutan tertentu dan sistematik bertujuan untuk mencapai objektif pembelajaran dalam jangka masa pendek. Kaedah pengajaran menterjemahkan pendekatan pengajaran yang dipilih oleh guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Antara kaedah pengajaran yang dicadangkan adalah seperti:

1. Talaqqi Musyafahah
2. Bercerita
3. Latih Tubi
4. Main Peranan
5. Perbincangan
6. Permainan
7. Penyelesaian Masalah
8. Tasmik
9. Kuiz
10. Lakonan
11. Soal Jawab
12. Projek
13. Sumbangsaran
14. Lawatan
15. Pembelajaran berasaskan projek
16. Pembelajaran inkuiri

DRAF

Bagi memastikan sesuatu pembelajaran dan pengajaran berjaya dan mencapai objektif, guru perlu memahami dan menguasai standard kandungan dan standard pembelajaran dengan jelas dan tepat. Kemahiran guru mengaplikasikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam proses pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam akan membantu guru mencapai standard kandungan dan standard pembelajaran yang ditetapkan. Guru juga perlu merancang dan melaksanakan pentaksiran bagi mengesan standard prestasi dapat dicapai oleh murid mengikut kebolehan masing-masing.

**KREATIVITI GURU DALAM PROSES PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

Daya kreativiti dan inovatif murid perlu dibangunkan ke tahap optimum supaya murid mampu menyumbang ke arah pembangunan agama, masyarakat, bangsa dan negara. Guru yang kreatif dan inovatif dalam proses pembelajaran dan pengajaran akan merangsang dan memotivasikan murid untuk meneroka bidang ilmu yang baharu, menjana idea untuk menghasilkan tugasan dengan lebih kreatif, menilai kualiti hasil kerja dan mengerah pemikiran bercapah seterusnya menyerlahkan personaliti individu yang kreatif.

Kreativiti dalam pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam akan merangsang murid untuk membuat kajian dan penyelidikan, penyelesaian masalah dalam kehidupan dan penghasilan pelbagai bahan dengan mengaplikasi pengetahuan, pemahaman dan kemahiran. Kreativiti ini juga akan dapat menjana idea murid dalam mengaitkan ilmu Islam dengan ilmu sains, teknologi dan kemanusiaan.

**PENTAKSIRAN**

Pentaksiran adalah kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menentukan objektif pembelajaran telah dicapai. Kepentingan pentaksiran kepada guru adalah untuk memberi gambaran tentang perkembangan murid, menilai keberkesanan PdP, membantu memperbaiki PdP dan membantu menyusun perancangan untuk melaksanakan tindakan susulan. Kepentingan pentaksiran kepada murid pula adalah untuk memahami tujuan mereka belajar, meningkatkan motivasi dan keyakinan diri dan memaklumkan kepada murid tentang tindakan susulan yang perlu diambil untuk mereka mencapai standard yang ditetapkan.

Pelbagai kaedah pentaksiran digunakan untuk membolehkan penilaian yang lebih autentik dan holistik dapat dijalankan. Dua bentuk pentaksiran dijalankan, iaitu pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Pentaksiran formatif dijalankan secara berterusan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Maklumat yang diperolehi memberi maklum balas tentang sejauhmana sesuatu hasil pembelajaran telah dikuasai. Guru dapat mengetahui kelemahan dan kekuatan serta potensi seseorang murid. Kelemahan murid yang dikenal pasti perlu diatasi melalui aktiviti pemulihan dan kekuatan murid perlu ditingkatkan melalui aktiviti pengayaan. Contoh pentaksiran formatif : latihan, kerja rumah, kuiz, lembaran kerja, tugasan, pemerhatian dan lain-lain yang bersesuaian. Pentaksiran Sumatif pula dikaitkan dengan pentaksiran pada akhir unit pembelajaran, penggal, bulan atau tahun. Memberikan nilai yang membezakan pencapaian seseorang murid dengan murid yang lain dan seringkali digunakan untuk membuat pemilihan. Contoh ujian sumatif: ujian topical, ujian bulanan, peperiksaan penggal dan lain-lain ujian yang bersesuaian.



DRAF

**DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN (DSKP)**

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) adalah satu dokumen yang mengintegrasikan antara standard kurikulum dan standard pentaksiran. DSKP merupakan satu dokumen lengkap tentang maklumat kurikulum yang dilaksanakan bagi setiap tahun persekolahan. DSKP turut menyenaraikan pendahuluan, matlamat, objektif, fokus matapelajaran, organisasi kandungan, status, peruntukan waktu, strategi pengajaran dan pembelajaran, kreativiti guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran dan penutup. DSKP juga menyenaraikan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi yang perlu dilalui oleh guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi setiap tahun pembelajaran.

**Standard Kandungan:**

Standard Kandungan adalah penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan serta boleh tunjukkan melalui perubahan tingkah laku dalam satu tempoh persekolahan, merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

**Standard Pembelajaran:**

Standard Pembelajaran adalah satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

**Standard Prestasi:**

Standard Prestasi adalah satu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai.

**Tahap Penguasaan:**

Kriteria pencapaian yang berasaskan setiap kelompok standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditetapkan

Himpunan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi ini akan digunakan oleh guru untuk mengukur tahap penguasaan yang boleh dicapai oleh murid setelah berlakunya interaksi antara guru dan murid dalam sesi PdP. Bagi menentukan tahap penguasaan murid, guru mesti menghabiskan satu standard kandungan dan keseluruhan standard pembelajaran yang berkenaan dalam waktu PdP yang ditetapkan. Standard Kandungan dan himpunan Standard Pembelajaran ini disebut sebagai kelompok. Prestasi murid akan ditentukan oleh guru setelah mereka menghabiskan setiap kelompok standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditetapkan dalam interaksi antara guru dan murid. Tafsiran tahap penguasaan secara umum telah dibangunkan untuk memudahkan setiap subjek menentukan apakah tahap penguasaan yang perlu dicapai oleh murid bagi memastikan seseoramg murid telah mencapai standard yang telah ditetapkan bagi setiap mata pelajaran.

## Tafsiran Tahap Penguasaan Secara Umum

| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
|---|---|
| 1 | Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas. |
| 2 | Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari. |
| 3 | Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi. |
| 4 | Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik. |
| 5 | Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif. |
| 6 | Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik,  bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi. |

## Pernyataan Umum Tahap Penguasaan Pendidikan Islam

| Tahap Penguasaan | Tahap Kemahiran | Pernyataan Standard |
|---|---|---|
| 1 | **ILMU** | Murid dapat **menguasai asas pengetahuan, kemahiran dan nilai** dalam setiap kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing. |
| 2 | **AMALI** | Murid dapat **menjelaskan konsep** atau **menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara praktik** dalam kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing. |
| 3 | **AMALAN** | Murid dapat **menjelaskan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai** daripada kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing dalam kehidupan harian. |
| 4 | **ILTIZAM** | Murid berkebolehan menghuraikan dan mengaplikasikan **pengetahuan, kemahiran dan nilai** daripada kandungan yang dipelajari **secara bersungguh-sungguh** dan **bertanggung jawab melaksanakannya** dalam kehidupan harian. |
| 5 | **PENGHAYATAN** | Murid berkebolehan **memberikan justifikasi** serta **istiqamah terhadap tindakan** yang dilakukan dalam kehidupan harian **berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai** daripada kandungan yang dipelajari. |
| 6 | **PENTABIATAN** | Murid **berkebolehan merumuskan pengetahuan, mengaplikasikan kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam bentuk perubahan tingkah laku serta mempamerkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertaqwa** dan **boleh dicontohi** atau **boleh membimbing orang lain.** |

PENUTUP

Kandungan kurikulum ini digubal untuk memenuhi keperluan setiap Muslim dari segi fardhu ain dan fardhu kifayah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat, bersesuaian dengan peringkat dan keupayaan murid sekolah rendah. Penggunaan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran secara optimum amatlah dituntut agar matlamat transformasi pendidikan yang dihasratkan dapat direalisasikan. Pengaplikasian Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran secara holistik yang merangkumi tiga komponen kurikulum mampu memenuhi enam aspirasi murid yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia mengharapkan agar para guru dapat menterjemahkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran ini dengan tepat semasa berlakunya interaksi antara guru dan murid .

DRAF

# ڤرياتاءن عموم تاهڤ ڤنچاڤاين كماهيرن ڤنديديقن إسلام (KSSR)

| تاهڤ | كماهيرن | تفسيرن ستندرد |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد داڤت مڠواساءي اساس **ڤڠتاهوان، كماهيرن دان نيلاي** دالم ستياڤ كاندوڠن يڠ دڤلاجري مڠيكوت كأوڤاياءن ماسيڠ٢. |
| 2 | عملي | موريد داڤت **منجلسكن كونسيڤ** اتاو **مڠڬوناكن** ڤڠتاهوان، كماهيرن دان نيلاي **سچارا ڤركتيك** دالم كاندوڠن يڠ دڤلاجري مڠيكوت كأوڤاياءن ماسيڠ٢. |
| 3 | عملن | موريد داڤت **منجلسكن** دان **مڠڤليكاسيكن** ڤڠتاهوان، كماهيرن دان نيلاي درڤد كاندوڠن يڠ دڤلاجري مڠيكوت كأوڤاياءن ماسيڠ٢ دالم كهيدوڤن هارين. |
| 4 | التزام | موريد بركبوليهن **مڠهورايكن** دان **مڠڤليكاسيكن** ڤڠتاهوان، كماهيرن دان نيلاي درڤد كاندوڠن يڠ دڤلاجري سچارا **برسوڠڬوه-سوڠڬوه دان برتڠڬوڠجواب** ملقساناكنڽ دالم كهيدوڤن هارين. |
| 5 | ڤڠحياتن | موريد بركبوليهن ممبريكن **جوستيفيكاسي سرتا استقامة** ترهادڤ تيندقن يڠ دلاكوكن دالم كهيدوڤن هارين برداسركن ڤڠتاهوان، كماهيرن دان نيلاي درڤد كاندوڠن يڠ دڤلاجري. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد بركبوليهن **مروموسكن** ڤڠتاهوان، مڠڤليكاسيكن كماهيرن دان نيلاي درڤد كاندوڠن يڠ دڤلاجري دالم بنتوق ڤروبهن تيڠكه لاكو **سرتا ممڤاميركن چيري٢ كڤيمڤينن** سباڬاي سأورڠ يڠ برتقوى دان **بوليه دجونتوهي** اتاو **بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لاٴين**. |

# ڤرياتان عموم تاهڤ كماهيرن مڠيكوت بيدڠ دالم ڤنديديقن إسلام تاهون انم ( KSSR )

القرءان(ممباچ)

1. ممباچ سورة ترڤيليه درڤد القرءان دڠن بتول دان برتجويد سرتا مڠعملكن ڤمباچائنڽ.

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد بوليه ممباچ سورة٢ ترتنتو. |
| 2 | عملي | موريد بوليه ممباچ سورة٢ ترتنتو دڠن بائيق. |
| 3 | عملن | موريد بوليه ممباچ سورة٢ ترتنتو دڠن بتول دان برتجويد سرتا دعملكن دالم كهيدوڤن هارين. |
| 4 | التزام | موريد بركبوليهن ممباچ سورة٢ ترتنتو دڠن بتول دان برتجويد سرتا برالتزام ممباچ القرءان. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد بركبوليهن ممباچ سورة٢ ترتنتو دڠن بتول دان برتجويد سرتا استقامة ممباچ القرءان. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد بركبوليهن ممباچ سورة٢ ترتنتو دڠن بتول دان برتجويد سرتا بوليه دچونتوهي باچائنڽ اتاو بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لائين. |

DRAFT

القرءان (**مغحفظ**)

1. ممباچ سورة ترڤيليه درڤد القرءان دغن بتول دان برتجويد سرتا مغعملكن ڤمباچائنڽ.
2. مغحفظ سورة درڤد القرءان اونتوق باچائن دالم صلاة دان عبادة هارين.

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد بوليه مغحفظ سورة٢ ترتنتو. |
| 2 | عملي | موريد بوليه مغحفظ سورة٢ ترتنتو دغن بائيق. |
| 3 | عملن | موريد بوليه مغحفظ سورة٢ ترتنتو دغن بتول دان برتجويد سرتا دعملكن دالم كهيدوڤن هارين. |
| 4 | التزام | موريد بركبوليهن مغحفظ سورة٢ ترتنتو دغن بتول دان برتجويد سرتا برالتزام مغحفظ القرءان. |
| 5 | ڤغحايتن | موريد بركبوليهن مغحفظ سورة٢ ترتنتو دغن بتول دان برتجويد سرتا استقامة مغحفظ القرءان. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد بركبوليهن مغحفظ سورة٢ ترتنتو دغن بتول دان برتجويد سرتا بوليه دچونتوهي باچائنڽ اتاو بوليه ممبيمبيغ اورڠ لائين. |

القرءان **(كفهمن)**

1. ممهمي مقصود بيراڤ سورة ترڤيليه اونتوق دعملكن دان دحياتي ڤڠاجرنڽ .

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد مڽاتاكن ڤڠنلن دان ڤڠرتين سورة٢ ترتنتو. |
| 2 | عملي | موريد منجلسكن ڤڠنلن دان ڤڠرتين اية دري سورة٢ ترتنتو. |
| 3 | عملن | موريد منجلسكن دان مڠاڤليكاسيكن ڤڠاجرن اية دري سورة٢ ترتنتو دالم كهيدوڤن هارين. |
| 4 | التزام | موريد مڠهورايكن دان مڠاڤليكاسيكن ڤڠاجرن درڤد سورة٢ ترتنتو دان برالتزام مڠعملكنڽ دالم كهيدوڤن هارين. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد مڠاناليسيس ڤڠاجرن درڤد سورة٢ ترتنتو دان استقامة مڠعملكنڽ دالم كهيدوڤن هارين. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد مروموسكن ڤڠاجرن درڤد سورة٢ ترتنتو دان استقامة مڠعملكنڽ دالم كهيدوڤن هارين سرتا بوليه دچونتوهي عملنڽ اتاو بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لائين. |

القرءان (**تجويد**)

1. مغعملكن ڤمباچاٴن اية القرءان دڠن برتجويد.

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد بوليه مڠنل ڤستي دان ممباچ ڤوتوڠن اية القرءان يڠ مڠاندوڠي حكوم تجويد ترتنتو. |
| 2 | عملي | موريد بوليه مڠنل ڤستي دان ممباچ ڤوتوڠن اية القرءان يڠ مڠاندوڠي حكوم تجويد ترتنتو دڠن بائيق. |
| 3 | عملن | موريد بوليه ممباچ دان مڠاڤليكاسيكن حكوم تجويد ترتنتو دڠن بتول. |
| 4 | التزام | موريد بركبوليهن دان برالتزام ممباچ اية القرءان يڠ مڠاندوڠي حكوم تجويد ترتنتو دڠن بتول. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد بركبوليهن ممباچ اية القرءان يڠ مڠاندوڠي حكوم تجويد ترتنتو دڠن بتول سچارا استقامه. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد بركبوليهن ممباچ اية القرءان يڠ مڠاندوڠي حكوم تجويد ترتنتو دڠن بتول سچارا استقامه سرتا بوليه دچونتوهي باچاٴنث اتاو بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لاٴين. |

DRAFT

## الحديث

1. ممباچ دان مهمي حديث٢ ترڤيليه اونتوق دعملكن دان دحياتي ڤڠاجرنن.

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد بوليه ممباچ حديث دان ترجمهنڽ. |
| 2 | عملي | موريد منجلسكن تونتوتن حديث ترتنتو دان ممڤركتيككنڽ. |
| 3 | عملن | موريد منجلسكن دان مڠاڤليكاسيكن تونتوتن حديث ترتنتو دالم كهيدوڤن هارين. |
| 4 | التزام | موريد مڠهورايكن تونتوتن حديث ترتنتو دان مڠعملكنڽ سچارا برسوڠڬوه – سوڠڬوه دالم كهيدوڤن هارين. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد مڠاناليسيس تونتوتن حديث ترتنتو دان ممبريكن جوستيفيكاسي كڤنتيڠن ملقساناكنڽ دالم كهيدوڤن هارين. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد مروموسكن دان مڠعملكن تونتوتن حديث ترتنتو دان مڠحياتي كڤنتيڠنڽ دالم كهيدوڤن هارين سرتا بوليه دچونتوهي عملنڽ اتاو بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لائين. |

## عقيدة

1. ممهمي دان ميقني اساس عقيدة سباݢاي ڤݢڠن دان بينتيڠ دالم كهيدوڤن براݢام.

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد مڤاتاكن كونسيڤ اساس عقيدة. |
| 2 | عملي | موريد منجلسكن كونسيڤ عقيدة. |
| 3 | عملن | موريد منجلسكن كونسيڤ عقيدة دان مڠڤليكاسيكن كفهمنڽ دالم كهيدوڤن هارين. |
| 4 | التزام | موريد مڠهورايكن كفهمن كونسيڤ عقيدة دڠن منجاديكنڽ سباݢاي ڤݢڠن دالم كهيدوڤن هارين. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد مڠاناليسيس كفهمن كونسيڤ عقيدة دان منجاديكنڽ سباݢاي اساس تيندقن دالم كهيدوڤن هارين. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد مروموسكن كفهمن كونسيڤ عقيدة سرتا منجاديكنڽ سباݢاي اساس تيندقن دالم كهيدوڤن هارين دان بوليه دچونتوهي اتاو بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لائين. |

DRAFT

**عبادة**

1. ممهمي دان مڠعملكن اساس عبادة سباڬاي ممنوهي تونتوتن فرض عين دان فرض كفاية.

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد مڤاتاكن كونسيڤ اساس عبادة. |
| 2 | عملي | موريد منجلسكن دان ممڤركتيككن كونسيڤ عبادة. |
| 3 | عملن | موريد منجلسكن دان مڠڤليكاسيكن كونسيڤ عبادة دڠن بتول دالم كهيدوڤن هارين. |
| 4 | التزام | موريد مڠهورايكن دان مڠعملكن كونسيڤ عبادة سچارا سمڤورنا دالم كهيدوڤن هارين. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد مڠاناليسيس دان مڠعملكن كونسيڤ عبادة سچارا سمڤورنا سرتا استقامة دالم كهيدوڤن هارين. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد مروموسكن دان مڠعملكن كونسيڤ عبادة سچارا استقامة دالم كهيدوڤن هارين سرتا بوليه دچونتوهي اتاو بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لائين. |

DRAFT

**سيره**

1. ممهمي دان مغمبيل اعتبار درقد سيره رسول الله صلى الله عليه وسلم باڬي منانم راس کچينتائن کڤد بڬيندا

| تاهڤ | کماهيرن | ستندرد ڤنتکسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد مڤاتاکن سيره رسول الله ﷺ |
| 2 | عملي | موريد منجلسکن ڤريستيوا درڤد سيره رسول الله ﷺ |
| 3 | عملن | موريد منجلسکن ڤريستيوا سيره رسول الله ﷺ دان مڠڤليکاسيکن اعتبارث دالم کهيدوڤن هارين. |
| 4 | التزام | موريد مڠهورايکن ڤريستيوا سيره رسول الله ﷺ دان مڠڤليکاسيکن اعتبارث دالم کهيدوڤن هارين سچارا برسوڠݢوه – سوڠݢوه. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد مڠاناليسيس ڤريستيوا سيره رسول الله ﷺ دان مڠڤليکاسيکن اعتبارث سچارا استقامة دالم کهيدوڤن هارين. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد مروموسکن ڤريستيوا سيره رسول الله ﷺ دان مڠڤليکاسيکن اعتبارث باڬي منونجوقکن راس چينتا کڤد رسول الله ﷺ ملالوءي تيندقن دالم کهيدوڤن هارين سرتا بوليه دچونتوهي اتاو بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لائين. |

DRAFT

## ادب

1. ممهمي، مڠعملكن دان مڠحياتي نيلاي٢ اخلاق دالم كهيدوڤن هارين.

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد مڤاتاكن كونسيڤ اساس ادب. |
| 2 | عملي | موريد منجلسكن دان ممڤركتيككن كونسيڤ ادب. |
| 3 | عملن | موريد منجلسكن دان مڠقليكاسيكن كونسيڤ ادب دڠن بتول. |
| 4 | التزام | موريد مڠهورايكن دان مڠعملكن كونسيڤ ادب سچارا برسوڠݢوه – سوڠݢوه دالم كهيدوڤن هارين. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد مڠاناليسيس دان مڠعملكن كونسيڤ ادب سچارا استقامة دالم كهيدوڤن هارين. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد مروموسكن دان مڠعملكن كونسيڤ ادب سچارا استقامة سرتا بوليه دچونتوهي اتاو ممبيمبيڠ اورڠ لائين. |

**جاوي**

1. ممباچ دان منوليس جاوي سرتا منچينتائيڽ سباݢاي واريسن بودايا بڠسا.

| تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤنتكسيرن |
|---|---|---|
| 1 | علمو | موريد بوليه مڽبوت، ممباچ دان منوليس حروف، سوكو كات دان ڤركاتاٴن دالم توليسن جاوي. |
| 2 | عملي | موريد بوليه مڽبوت، ممباچ دان منوليس حروف، سوكو كات دان ڤركاتاٴن دالم توليسن جاوي دڠن باٴيق. |
| 3 | عملن | موريد بوليه مڽبوت، ممباچ دان منوليس حروف، سوكو كات دان ڤركاتاٴن دالم توليسن جاوي دڠن بتول. |
| 4 | التزام | موريد بركبوليهن ممباچ دان منوليس حروف، سوكو كات دان ڤركاتاٴن دالم توليسن جاوي دڠن بتول دان ممبوداياكنڽ دسكوله. |
| 5 | ڤڠحايتن | موريد بركبوليهن ممباچ، ممبينا دان منوليس ايات اتاو تيکس دالم توليسن جاوي دڠن بتول دان برتروسن. |
| 6 | ڤنطبيعتن | موريد بركبوليهن ممباچ، ممبينا دان منوليس ايات اتاو تيکس دالم توليسن جاوي دڠن بتول سرتا بوليه دچونتوهي اتاو بوليه ممبيمبيڠ اورڠ لاٴين. |

## كوريكولوم ستندرد ڤنديديقن إسلام

### تاهون انم

| ستندرد كاندوغن | ستندرد ڤمبلاجرن | تاهڤ | كماهيرن | ستندرد ڤريستاسي |
|---|---|---|---|---|
| 1. القرءان<br>1.1 باچاءن ممباچ دان مڠعمل سورة التين، سورة الإنشراح دان سورة الشمس دڠن بتول دان برتجويد | 1.1.1 ممباچ سورة التين، سورة الإنشراح دان سورة الشمس دڠن بتول دان برتجويد<br>1.1.2 ممڤردڠركن باچاءن سورة التين، سورة الإنشراح دان سورة الشمس دڠن بتول دان برتجويد<br>1.1.3 مڠعمل باچاءن سورة التين، سورة الإنشراح دان سورة الشمس دالم صلاة سرتا كهيدوڤن هارين | 1 | علمو | موريد بوليه ممباچ سورة التين، سورة الإنشراح دان سورة الشمس. |
| | | 2 | عملي | موريد بوليه ممباچ سورة التين، سورة الإنشراح دان سورة الشمس دڠن باءيق. |
| | | 3 | عملن | موريد بوليه ممباچ سورة التين، سورة الإنشراح دان سورة الشمس دڠن بتول دان برتجويد سرتا دعملكن دالم كهيدوڤن سهارين. |
